



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

29 MEI 2025 (KHAMIS)

LEMBU GEMUK UNTUK IBADAH KORBAN

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Sinar Harian | Negara | 18 | 29 Mei |

Lembu gemuk untuk ibadah korban

PONTIAN – Seorang lelaki berharap agar lembu ternakannya akan terus terjual sempena ibadah korban yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Mohd. Azuad Rahmat, 35, berkata, dia berharap dapat menjual 45 ekor lembu seperti sebelum ini bagi mendapatkan lebihan wang seperti penternak lain.

Katanya, setakat ini dia menerima 32 tempahan daripada pelbagai pihak seperti individu, keluarga, korporat, masjid dan

surau, sekolah, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

"Ada yang tunggu saat akhir. Bagi penternak tarikh 1 hingga 10 Zulhijah ibarat kecemasan sama ada tempahan akan bertambah atau kekal."


"Jika ada tambah kami lega kerana ia dapat tampung kos kenaikan harga makanan," kata bekas juruteknik enjin kapal dagang itu ketika ditemui di Kampung Jelutong Laut, di sini semalam.

Menurut Mohd. Azuad, lem-

bunya diperoleh dari Thailand dan dia juga menjualnya untuk majlis keraian lagi seperti kahwin, maulud nabi dan sebagainya.

Tambahnya, ladang ternakannya juga dilengkapi dengan pusat penyembelihan bagi memudahkan pelanggan.

"Bagi tujuan ibadah korban, saya menjual seekor lembu dengan harga antara RM5,500 hingga RM9,000 dengan berat mencapai 100 hingga 130 kilogram," katanya.



MOHD. AZUAD menunjukkan sebahagian lembu yang diternaknya di Kampung Jelutong Laut, Pontian.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR